

SIJIL TAKAFUL WANG MONEY TAKAFUL CERTIFICATE

Bagi Kontrak Takaful Pengguna (Takaful sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion)
For Consumer Takaful Contracts (Takaful wholly for purposes unrelated to the Participant's trade, business or profession)

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari caruman yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

*This Certificate is issued in consideration of the contribution made as specified in the Certificate Schedule and pursuant to the answers given in the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and any other disclosures made by the Participant between the time of submission of the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Participant shall form part of this contract of Takaful between the Participant and **ZURICH GENERAL perTAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (hereinafter called "the Takaful Operator"). However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Participant's answers or in any disclosures given by the Participant, only the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013 will apply.*

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Pengendali Takaful. *This Certificate reflects the terms and conditions of the contract of Takaful as agreed between the Participant and the Takaful Operator.*

Bagi Kontrak Takaful Komersial (Takaful bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)
For Non - Consumer Takaful Contracts (Takaful for purposes related to the Participant's trade, business or profession)

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari caruman yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Peserta, keengganan atau pengurangan ganti rugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Peserta.

*This Certificate is issued in consideration of the contribution made as specified in the Certificate Schedule and pursuant to the answers given in the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and any other disclosures made by the Participant between the time of submission of the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Participant shall form part of this contract of Takaful between the Participant and **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (hereinafter called "the Takaful Operator"). In the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Participant's answers or in any disclosures made by the Participant, it may result in avoidance of the Participant's contract of Takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of Takaful.*

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Pengendali Takaful. *This Certificate reflects the terms and conditions of the contract of Takaful as agreed between the Participant and the Takaful Operator.*

MAKA SIJIL INI MEMPERAKUI bahawa tertakluk kepada terma-terma, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam sijil ini atau diendorskan atau secara lain dinyatakan bersamanya, Pengendali Takaful akan memberi Perlindungan Kerugian kepada Peserta seperti yang ditafsirkan disini terhadap tanggungan akibat daripada Kemalangan yang berlaku dalam Tempoh Takaful yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam sebarang tempoh untuk mana Pengendali Takaful telah menerima bayaran bagi pembaharuan Sijil ini.

NOW THIS CERTIFICATE WITNESSETH that subject to the terms, exceptions and conditions contained herein or endorsed or otherwise expressed hereon the Takaful Operator will grant the Participant the Indemnity as defined herein in respect of liability arising from Accidents occurring during the Period of Takaful stated in the Schedule or during any Period for which the Takaful Operator may accept contribution for the renewal of this Certificate.

Sekiranya terdapat baki dalam Akaun Pelaburan Risiko Am (**APRA**) yang tidak mencukupi untuk membayar bagi manfaat-manfaat Takaful Anda semasa Tempoh Takaful, Kami akan membuat keseimbangan dalam **APRA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaiannya Kami. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaiannya Kami, Kami akan membuat pindahah secara langsung. Anda seterusnya bersetuju bahawa lebih masa depan Anda yang diperolehi daripada **APRA** semasa Tempoh Takaful Anda boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **APRA** (jika ada) kepada Kami.

*In the event of insufficient balance in the General Risk Investment Account (**GRIA**) to pay for Your Takaful Benefits during the Period of Takaful, We will make good the balance in the **GRIA** under the principle of Qard (loan) provided that the insufficiency is not due to Our negligence. If the insufficiency is due to Our negligence, We will make an outright transfer for the insufficiency. You further agree that Your future surplus arising from the **GRIA** during Your Takaful period can be used to pay for outstanding Qard in **GRIA** (if any) to Us*

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DUTY OF DISCLOSURE

PENGGUNA / CONSUMER

Apabila Peserta telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Peserta mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) iaitu Peserta perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Peserta selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Where the Participant has applied for this Takaful wholly for purposes unrelated to the Participant's trade, business or profession, the Participant has a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) i.e. the Participant should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of the Participant's contract of Takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of Takaful in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013.

Peserta juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Peserta tahu akan mempengaruhi keputusan pihak Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

The Participant is also required to disclose any other matter that the Participant knows to be relevant to the Takaful Operator's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

Peserta juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

The Participant also has a duty to tell the Takaful Operator immediately if at any time after the Participant's contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with the Takaful Operator any of the information given in the Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, perlindungan ini mungkin tidak sah atau Sijil Takaful mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

If you do not fully and faithfully provide this information, the Takaful may not be valid or the Certificate may not cover You fully.

KOMERSIAL / NON-CONSUMER

Apabila Peserta telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Peserta mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Peserta tahu yang akan mempengaruhi keputusan Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Peserta.

Where the Participant has applied for this Takaful wholly for purposes related to the Participant's trade, business or profession, the Participant has a duty to disclose any matter that the Participant knows to be relevant to the Takaful Operator's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant otherwise it may result in avoidance of the Participant's contract of Takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of Takaful.

Peserta juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

The Participant also has a duty to tell the Takaful Operator immediately if at any time after the Participant's contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with the Takaful Operator any of the information given in the Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

NOTIS TAKAFUL-TAKAFUL YANG LAIN/NOTICE OF OTHER TAKAFULS

Anda dikehendaki memberitahu **Kami** tentang **Takaful** lain yang telah **Anda** beli ketika **Anda** membeli **Takaful** ini dan juga semasa **tempoh** perlindungan **Takaful** ini, yang melindungi mana-mana bahagian harta yang sama yang dilindungi di bawah **Sijil** ini.

You must inform Us of any other Takaful that You have subscribed at the time of participating this Takaful, and also during the period of this Takaful, covering any of the same property covered under this Certificate.

PENGECCUALIAN EXCEPTIONS

Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab terhadap:-

The Takaful Operator shall not be liable in respect of:-

1. Kekurangan disebabkan oleh kesilapan perkeranian atau perakaunan dan kehilangan disebabkan oleh kesilapan dalam penerimaan atau pembayaran.
Shortages due to clerical or accounting errors and loss due to errors in receiving or paying out.
2. Kehilangan atau kerosakan oleh atau menerusi tindakan bersubhat oleh atau penggelapan secara penipuan oleh atau pelepasan secara penipuan oleh Peserta atau mana-mana orang atau orang-orang yang berkhidmat dengan Peserta.
Loss or damage by or through the collusion of or the fraudulent embezzlement by or the fraudulent misappropriation by the Participant or any person or persons in the service of the Participant.

3. Kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada kenderaan yang tidak dijaga.
Loss or damage arising from an unattended vehicle.
4. Kehilangan atau kerosakan yang berlaku di premis yang ditutup pada masa kehilangan atau kerosakan kecuali wang disimpan dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal.
Loss or damage occurring on premises which at the time of loss or damage are closed unless the money is in a locked safe or strong room.
5. Kehilangan atau kerosakan yang berlaku di luar had-had wilayah yang dinyatakan dalam Jadual.
Loss or damage occurring outside the territorial limits stated in the Schedule.
6. Walau apa pun kerugian berbangkit yang dialami.
Any consequential loss whatsoever.
7. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, berlaku kerana atau akibat daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, rusuhan, mogok, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau rampasan atau pemusnahan atas perintah mana-mana Pihak Berkuasa Kerajaan atau Awam atau oleh sebarang akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang kejadian sedemikian dan sekiranya sebarang tuntutan dibuat di bawah ini Peserta dikehendaki membuktikan bahawa kemalangan, kehilangan, atau kerosakan itu timbul secara berasingan daripada dan sama sekali tidak berkaitan dengan atau disebabkan oleh atau dikesan antara lain disebabkan oleh atau dikesan berlaku kerana mana-mana kejadian sedemikian atau sebarang bayaran akibat daripadanya dan tanpa bukti tersebut Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran bagi tuntutan tersebut.

Loss or damage directly or indirectly occasioned by, happening through or in consequence of war, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, riot, strikes, civil commotion, military or usurped power, or confiscation or destruction by order of any Government or Public Authority or by any direct or indirect consequences or any of the said occurrences and in the event or any claim hereunder the Participant shall prove that the accident loss damage arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the aforesaid occurrences or any consequences thereof and in default of such proof the Takaful Operator shall not be liable to make any payment in respect of such a claim.
8. Kehilangan atau kerosakan kepada apa pun harta benda atau apa pun kerugian atau perbelanjaan yang disebabkan oleh atau berpunca daripadanya atau sebarang kerugian berbangkit atau sebarang tanggungan biar apa pun bentuknya, yang:
Loss or damage to any property whatsoever or any loss or expense whatsoever resulting from or arising therefrom or any consequential loss or any liability of whatsoever nature:
 - (a) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
Directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this Exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.
 - (b) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.
Directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from nuclear weapons material.
 - (c) Sebarang perlakuan keganasan.
Any act of terrorism.
9. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, berlaku kerana atau akibat daripada kesusutan nilai, penyitaan, pengambilan alih dan penjualan secara paksa (sama ada berkanun atau selainnya) atau perampasan oleh mana-mana Pihak Berkuasa.
Loss or damage directly or indirectly occasioned by, happening through or in consequence of depreciation confiscation requisition and compulsory sale (whether statute or otherwise) or seizure by any Authority.

KEADAAN YANG BERKAITAN SEKSYEN THE CIRCUMSTANCES

SECTION A: WANG DALAM TRANSIT SECTION A: MONEY IN TRANSIT

- (i) Dari Bank ke Premis Peserta untuk pembayaran upah, gaji, pendapatan lain atau wang tunai runcit dari saat wang diterima di Bank oleh kakitangan atau wakil Peserta yang diberi kuasa hingga diserahkan di Premis Peserta dan (kecuali berkaitan wang tunai runcit) sepanjang masa ia berada di sana sehingga bayaran dibuat; dengan syarat semua wang yang tidak dibayar pada hari ia diterima dari Bank, disimpan dengan selamat dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal Peserta selepas waktu perniagaan. Cek yang dikeluarkan oleh Peserta untuk membuat pembayaran sedemikian dilindungi semasa dalam transit dari premis Peserta ke bank.
From the Bank to the Participant's Premises for the payment of wages, salaries, other earnings or petty cash from the time the money (except in regard to petty cash) whilst there until paid out; provided that all money not paid out on is received at the Bank by the authorised employees or representatives of the Participant until delivered at the Participant's Premises and the day on which it is received from the Bank, be secured in the Participant's locked safe or strongroom after business hours. Cheques drawn by the Participant to provide for such payments are covered in transit from the Participant's Premises to the Bank.
- (ii) Dari Premis Peserta ke Bank semasa dalam kawalan peribadi kakitangan atau wakil Peserta yang diberi kuasa.

From the Participant's Premises to the Bank whilst in the personal custody of the Participant's authorised employees or representatives.

- (iii) Dari saat diterima dan sehingga diserahkan ke Premis Peserta atau Bank oleh kakitangan atau wakil Peserta yang diberi kuasa dengan syarat semua wang diserahkan secara demikian pada hari yang sama ia diterima.
From the time of receipt and until delivered to the Participant's Premises or Bank by the Participant's authorised employees or Representatives provided that all money be so delivered on the same day as received.

SEKSYEN B: WANG DALAM PETI KESELAMATAN BERKUNCI/BILIK KEBAL
SECTION B: MONEY IN LOCKED SAFE/STRONGROOM

Wang dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal Peserta berikutan kejadian pecah masuk secara paksa dan ganas ke dalam Premis atau akibat rompakan bersenjata atau rompakan ganas dan dengan syarat bahawa Peserta hendaklah menyimpan rekod lengkap jumlah tunai dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal dan dengan syarat selanjutnya bahawa liabiliti Pengendali Takaful hendaklah terhad kepada jumlah tunai dinyatakan dalam rekod yang disimpan dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal tersebut pada masa kehilangan.

Money in Participant's locked safe or strongroom following forcible and violent entry upon the Premises or as a result of armed robbery or robbery with violence and provided that the Participant shall keep a complete record of the amount of cash in locked safes and strongrooms and provided, further, that the liability of the Takaful Operator shall be limited to the amount of cash shown by the record to be in the said safes or strongrooms at the time of loss.

SEKSYEN C: KEROSAKAN KEPADA PETI KESELAMATAN
SECTION C: DAMAGE TO SAFES

Kerosakan kepada peti keselamatan atau bilik kebal Peserta berikutan kejadian pecah masuk secara paksa dan ganas ke dalam Premis atau akibat rompakan bersenjata dengan keganasan.

Damage to Participant's safes or strongrooms following forcible and violent entry upon the Premises or as a result of armed robbery with violence.

Tertakluk kepada Had Liabiliti yang dinyatakan dalam Jadual.
Subject to the Limits of Liability stated in the Schedule

SYARAT-SYARAT
CONDITIONS

Sijil dan Jadual ini akan dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan di mana makna khusus telah dikepilkan kepada mana-mana bahagian Sijil atau Jadual ini akan membawa makna khusus tersebut di mana-mana ia digunakan.

This Certificate and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Certificate or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.

1. Pematuhan dan penunaian Terma-terma, Syarat-syarat dan Pengendorsan- pengendorsan Sijil ini yang wajar sejauh mana berkaitan dengan apa-apa yang harus dilakukan atau dipatuhi oleh Pemegang Takaful akan menjadi syarat-syarat prajadi kepada sebarang liabiliti Pengendali Takaful untuk membuat bayaran bawah Sijil ini.
The due observance and fulfilment of the Terms, Conditions and Endorsements of this Certificate in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Participant shall be conditions precedent to any liability of the Takaful Operator to make any contribution under this Certificate.
2. Sebaik sahaja berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini, Peserta hendaklah:
Immediately upon the happening of any event giving rise or likely to give rise to a claim under this Certificate, the Participant shall:
 - (a) Memberikan notis kepada polis dan menyediakan segala bantuan yang munasabah untuk mencari dan menghukum orang atau orang-orang yang bersalah dan mengesan dan mendapatkan semula harta benda yang hilang.
Give notice to the Police and render all reasonable assistance in causing the discovery and punishment of any guilty person or persons and in tracing and recovering the property.
 - (b) Memberikan notis mengenainya kepada Pengendali Takaful dan dalam tempoh 7 hari selepas kejadian tersebut menyerahkan kepada Pengendali Takaful tuntutan secara bertulis dan menyediakan segala butir-butir terperinci, keterangan dan bukti-bukti yang secara munasabah diperlukan oleh Pengendali Takaful.
Give notice thereof to the Takaful Operator in writing and within 7 days thereafter deliver to the Takaful Operator a claim in writing and supply all such detailed particulars, proofs and evidence in support of such a claim as may be reasonably required by the Takaful Operator.
3. Semua notis yang perlu diberikan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful mestilah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Pengendali Takaful dan notis atau pengetahuan mengenai sebarang perkara berkaitan dengan Sijil ini atau sebarang tuntutan dibawahnya tidak akan dianggap sebagai notis kepada atau dalam pengetahuan Pengendali Takaful melainkan ia diberikan sedemikian, dan sebarang perubahan kepada terma-terma Sijil ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful.
All notices required to be given by the Participant to the Takaful Operator must be in writing addresses to the Takaful Operator and notice or knowledge of anything relating to this Certificate or any claim hereunder shall not be deemed to be notice to or within the knowledge of the Takaful Operator unless so given, and no alteration in the terms of this Certificate nor any endorsement thereon will be held valid unless the same is signed or initialed by an authorized representative of the Takaful Operator.
4. Pengendali Takaful pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Peserta menerusi surat berdaftar ke alamat terakhirnya yang diketahui oleh Pengendali Takaful, mempunyai hak sepenuhnya untuk membatalkan Sijil ini dengan syarat sekiranya ini berlaku Pengendali Takaful hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Peserta apabila diminta, memulangkan kepada Peserta bahagian bersekadar caruman yang bersamaan dengan Tempoh Takaful yang belum lupus. Sijil ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Peserta dengan memberikan notis 7 hari kepada Pengendali Takaful dan sekiranya ini berlaku Peserta adalah berhak mendapat bayaran balik caruman

setelah ditolak caruman dikira pada Kadar Jangka Pendek Pengendali Takaful bagi tempoh Sijil ini telah berkuatkuasa dalam Tempoh Takaful Semasa.

The Takaful Operator may at any time by giving 7 days notice to the Participant by registered letter at the Participant's address as last known to the Takaful Operator be at liberty to cancel this Certificate provided that the Takaful Operator shall in that event on demand return to the Participant a proportionate part of the Takaful Contribution corresponding to the unexpired Period of Takaful. This Certificate may be cancelled at any time by the Participant on 7 days notice to the Takaful Operator and in such an event the Participant shall be entitled to a return of a proportionate part of the Takaful Contribution corresponding to the unexpired Period of Takaful.

5. Pengendali Takaful boleh pada bila-bila masa atas perbelanjaan sendiri menggunakan segala kaedah undang-undang di atas nama Peserta untuk mendapatkan semula mana-mana harta benda yang hilang dan yang menjadi asas untuk tuntutan di bawah Sijil ini dan Peserta hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah untuk tujuan tersebut. Sebarang wang yang diperolehi semula selepas penyelesaian sebarang tuntutan di bawah Sijil ini akan menjadi hak milik Pengendali Takaful bagaimanapun tidak melebihi jumlah yang dibayar oleh Pengendali Takaful untuk tuntutan tersebut.
The Takaful Operator may at any time at its own expense use all legal means in the name of the Participant for recovery of any of the property lost at which forms the subject of a claim under this Certificate and the Participant shall give all reasonable assistance for that purpose. Any money recovered after the settlement of any claim hereunder shall be the property of the Takaful Operator not exceeding however the amount paid by the Takaful Operator in respect of such claim.
6. Caruman di bawah Sijil ini dan segala Caruman Pembaharuan yang mungkin diterima untuk risiko-risiko transit hendaklah ditetapkan mengikut jumlah wang seperti yang diuraikan dalam Jadual yang dilindungi sepanjang tempoh Takaful semasa. Rekod tepat hendaklah disimpan dalam buku catatan Pemegang Takaful mengenai semua pemindahan wang dalam transit yang dilindungi sedemikian. Peserta hendaklah pada setiap masa membenarkan Pengendali Takaful memeriksa buku-buku tersebut dan dalam masa 30 hari daripada tarikh luput setiap Tempoh Takaful hendaklah membekalkan kepada Pengendali Takaful akaun tepat mengenai semua pemindahan wang dalam transit yang dilindungi oleh Sijil ini sepanjang tempoh tersebut. Jika jumlah yang ditentukan berbeza daripada jumlah anggaran yang digunakan untuk mengira caruman yang telah dibayar, perbezaan bayaran caruman hendaklah dijelaskan menerusi bayaran tambahan bersekadar kepada Pengendali Takaful atau menerusi pembayaran balik oleh Pengendali Takaful mengikut keadaan.
The Contribution hereunder and all Renewal Contributions that may be accepted in respect of the transit risks are to be regulated by the amount of money as described in the Schedule covered during the current Period of Takaful. A proper record shall be kept in the books of the Participant of all such money in transit so Participant. The Participant shall at all times allow the Takaful Operator to inspect such books and within 30 days from the expiry of each Period of Takaful shall supply the Takaful Operator with a correct account of all such money in transit by this Certificate during the said period. If the ascertained amount shall differ from the estimated amount on which Takaful Contribution has been paid the difference in Takaful Contribution shall be met by a further proportionate payment to the Takaful Operator or by a refund by the Takaful Operator as the case may be.
7. Jika pada waktu berlakunya sebarang kehilangan yang dilindungi oleh Sijil ini, wujud sebarang Takaful lain dalam apa-apa bentuk pun yang melindungi harta benda yang dilindungi atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada diambil oleh Peserta atau tidak, maka Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadarnya bagi sebarang kehilangan tersebut.
If at the time of the happening of any loss covered by this Certificate there shall be subsisting any other Takaful of any nature whatsoever covering the Property Participant or any part thereof, whether effected by the Participant or not, then the Takaful Operator shall not be liable to pay more than its rateable proportion of any such loss.
8. Tidak ada apa-apa yang terkandung dalam Sijil ini yang memberikan hak kepada mana-mana orang lain selain Peserta untuk membuat tuntutan terhadap Pengendali Takaful, dan Pengendali Takaful tidak akan terikat oleh sebarang penyerahan kepentingan Peserta selain akibat kematian, melainkan dan sehingga Pengendali Takaful mengisytiharkan, menerusi pengendorsan kepada Sijil ini, bahawa perlindungan Takaful diteruskan.
Nothing contained herein shall give any rights against the Takaful Operator to any person other than the Participant and the Takaful Operator will not be bound by any passing in the interest of the Participant otherwise than by death unless and until the Takaful Operator shall by endorsement hereon declare the Takaful to be continued.
9. Jika Cadangan atau Perakuan Peserta tidak benar dalam sebarang hal, atau jika sebarang fakta penting yang boleh menjejaskan risiko disalahnyatakan di dalamnya atau gagal dinyatakan, atau jika Takaful ini atau sebarang pembaharuannya diperolehi dengan memberikan sebarang pernyataan silap, salah nyata atau gagal dinyatakan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai menyokongnya, maka dalam sebarang kes tersebut, Sijil ini akan dianggap terbatal.
If the Proposal or Declaration of the Participant is untrue in any respect or if any material fact affecting the risk be incorrectly stated herein or omitted therefrom or if this Takaful or any renewal thereof shall have been obtained through any misstatement, misrepresentation or suppression or if any claim made shall be fraudulent or exaggerated or if any false declaration or statement shall be made in support thereof then in any of these cases this Certificate shall be void.
10. Semua pertentangan pendapat yang berbangkit daripada Sijil ini akan merujuk keputusan seorang Pendamai yang dilantik secara tulisan oleh pihak-pihak bertentangan atau jika mereka tidak boleh bersetuju akan seorang Pendamai kepada keputusan dua Pendamai yang dilantik setiap seorang secara tulisan oleh setiap pihak, dalam tempoh satu bulan kalendar setelah diperlukan secara tulisan untuk membuat sedemikian oleh mana-mana pihak atau dalam kes Pendamai-pendamai yang tidak bersetuju seorang Pengadil dilantik secara tulisan oleh Pendamai-pendamai sebelum memasuki ke atas rujukan. Pengadil akan bersidang bersama Pendamai dan mengetuai mesyuarat mereka dan Putusan yang dibuat akan menjadi syarat prajadi kepada sebarang hak bertindak bertentangan dengan Pengendali Takaful. Jika Pengendali Takaful menyangkal liabiliti kepada Peserta bagi sebarang tuntutan mengikut ini dan tuntutan sebegini tidak, dalam tempoh dua belas bulan kalendar daripada tarikh penyangkalan tersebut, dirujukkan kepada pendamaian di bawah peruntukkan terkandung di sini maka tuntutan untuk semua maksud akan dianggap telah dihentikan dan tidak akan selepas itu didapati semula mengikut ini.
All differences arising out of this Certificate shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing to do so by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be a condition precedent to any right of action against the Takaful Operator. If the Takaful Operator shall disclaim liability to the Participant for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months

from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.

11. Syarat penting dan mutlak khusus bagi Sijil ini ialah bahawa caruman tertunggak mesti dibayar dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil ini dibatalkan secara automatik dan Pengendali Takaful adalah berhak terhadap caruman pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko. Sekiranya caruman yang perlu dibuat selaras dengan waranti ini diterima oleh ejen sah Pengendali Takaful, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh Pengendali Takaful untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab bahawa caruman yang dibuat telah diterima oleh wakil sah Pengendali Takaful, termasuk Ejen Pengendali Takaful, yang tidak diberi kuasa untuk menerima caruman tersebut, hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Pengendali Takaful. Selainnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.
- It is a fundamental and absolute special condition of this contract of Takaful that the contribution due must be made and received by the Takaful Operator within sixty (60) days from the inception date of this Certificate/Endorsement/Renewal Certificate. If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the Takaful Operator shall be entitled to the pro rata contribution on the period they have been on risk. Where the contribution made pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Takaful Operator, the payment shall be deemed to be received by the Takaful Operator for the purposes of this warranty and the onus of proving that the Contribution made was received by a Takaful Operator authorized representative, including a Takaful Agent, who was not authorized to receive such contribution shall lie on the Takaful Operator. Subject otherwise to the terms and conditions of this Certificate.*
12. Pengendali Takaful akan menguruskan caruman Takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya ditempatkan ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai Akaun Pelaburan Risiko Am (APRA). Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dilampirkan bersama Sijil, terdapat lebihan bersih di dalam APRA, lima puluh peratus (50%) daripada lebihan bersih tersebut akan dikongsi di bawah kontrak Hibah secara berkadar oleh Peserta-Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut sementara Sijil tersebut berkuatkuasa.
- Takaful Operator will manage Your Takaful contributions by charging a Gross Wakalah Fee as approved by the regulatory authorities under the principle of Wakalah, and subsequently continue to be placed into Takaful fund through General Risk Investment Account (GRIA). If at end of the period of Takaful stated in the Schedule attached to the Certificate, there is a net surplus in the GRIA, fifty percent (50%) of the net surplus shall be shared under the contract of Hibah proportionately among Participants that have not incurred any claim and/or not received any benefits under the same class of risk as stated in the aforesaid Schedule whilst the Certificate is in force.*

Semua peserta yang memperbaharui sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

All retail participants who renew the certificate after expiry and have not incurred any claims during the previous coverage period are eligible for surplus distribution.

Semua peserta korporat yang memperbaharui sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat tuntutan melebihi 30% daripada jumlah caruman semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

All corporate participants who renew the certificate after expiry and have not incurred any claims more than 30% of gross contribution during the previous coverage period are eligible for surplus distribution.

NOTIS PENTING DIGUNAPAKAI DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL INI **IMPORTANT NOTICES APPLICABLE TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE**

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Kami/Zurich General Takaful Malaysia Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Anda boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi anda, menghadkan pemrosesan data peribadi dan/atau under memilih keluar daripada penggunaan Kami/Pengendali Takaful pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada kami dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my.

Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemrosesan data peribadi anda tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Kami/Zurich General TakafulT Malaysia Berhad, seperti yang di terbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

NOTICE UNDER PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (PDPA)

The Personal Data Protection Act 2010 which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to Us/Zurich General Insurance Malaysia Berhad ("hereinafter referred to as "the Company"). You may make inquiries, complaints, request for access, update, correct or change any of your personal data, limit the processing of your personal data and/or to opt-out of Our/the Company use at any time hereafter by submitting such request to us by sending an email to callcentre@zurich.com.my.

Requests for opt-out must state clearly the full name, identity document number, policy number, telephone number and address of the person making such request.

The processing of your personal data is subject to Our/Zurich General Insurance Malaysia Berhad's Personal Data Protection Notice as published on <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

PENGURUSAN JUMLAH KECIL / TREATMENT OF SMALL AMOUNT

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari tempoh matang, lebihan caruman, penyerahan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan kepada pendermaan. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.

Small Amount shall mean any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from maturity, contribution excess, surrender, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The Small Amount shall be channeled to donation. However, if You decide otherwise, You are required to submit a formal request to Us.

We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to Our Shariah Committee approval.

CUKAI / TAX PROVISION

Semua caruman dan yuran di bawah Sijil ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan **Zurich General Takaful Malaysia Berhad** berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada caruman dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

All contribution and fees that should be made under this Certificate may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Takaful Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Participant in addition to the contribution and/or fees that should be made under this Certificate.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority

PENYELESAIAN PERTIKAIAN / DISPUTE RESOLUTION

Untuk sebarang pertikaian anda boleh mendapatkan penimbangtaraan untuk kes anda. Anda boleh menghubungi :-
In the event of any dispute, you may seek arbitration for your case. You may contact :-

- | | | |
|--|--|--|
| <p>i) Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Level 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.
Tel : 603-21096000
Fax : 603-21096888
Email: callcentre@zurich.com.my
Website: www.zurich.com.my</p> | <p>ii) Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Tel : 603-2272 2811 Fax : 603-2272 1577
Email : enquiry@ofs.org.my
Website : www.ofs.org.my</p> | <p>iii) Contact Centre (BNMTELELINK)
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922,
50929 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Fax : 03-2174 1515
Email : bnmtelelink@bnm.gov.my</p> |
|--|--|--|

PENGENDORSAN, KLAUSA DAN WARANTI AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL JIKA DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDORS PADANYA
ENDORSEMENTS, CLAUSES AND WARRANTIES SHALL APPLY TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE WHEN SPECIFICALLY MENTIONED IN THE SCHEDULE OR ENDORSED THERETO

PENTING / IMPORTANT

Peserta hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Peserta, Pengendali Takaful perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil dikembalikan untuk diberi perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

You shall read this Certificate carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with your wishes, advice should at once be given to us and the Certificate returned for attention.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981 (1260157-U)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

